

BAHAGIAN A
(40 Markah)
Jawab semua soalan

1. Tamadun Mesir Purba dianggap sebagai anugerah daripada Sungai Nil. Masyarakat Mesir Purba telah meninggalkan warisan dan khazanah bangsanya untuk dikaji dan dipelajari.

(a) Mengapakah sungai Nil penting kepada tamadun Mesir Purba?

.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Terangkan sumbangan tamadun Mesir Purba dalam perkembangan ilmu pengetahuan?

.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Bagaimanakah Sumbangan Mesir Purba di 1 (b) digunakan oleh masyarakat Malaysia untuk membangunkan negara?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2. Pernyataan berikut berkaitan dengan peperangan dalam Islam.

Peperangan hanya boleh dilakukan dengan keizinan Allah, iaitu setelah wahyu diturunkan oleh Allah.

- a) Namakan dua peperangan yang berlaku dalam Islam.

- i)
- ii)

[2 markah]

- b) Jelaskan garis panduan yang mesti dipatuhi oleh tentera Islam dalam peperangan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- c) Peperangan merupakan suatu perkara yang memberikan banyak impak kepada sesebuah negara. Nyatakan impak negatif apabila berlakunya peperangan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3. Maklumat berikut merujuk kepada persatuan yang ditubuhkan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

- Kesatuan Melayu Singapura (KMS)
- Persatuan Sahabat Pena Malaya (PASPAM)
- Kesatuan Melayu Muda (KMM)

(a) Nyatakan kejayaan yang dicapai oleh Kesatuan Melayu Singapura (KMS).

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan matlamat penubuhan PASPAM.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah para nasionalis menu buhkan persatuan dalam mencapai matlamat perjuangan mereka ?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4. Reaksi segera yang timbul di Sarawak dan Sabah selepas cadangan pembentukan Malaysia diumumkan adalah menolak cadangan tersebut.

(a) Jelaskan alasan penduduk Sarawak dan Sabah menolak cadangan tersebut.

.....
.....
.....
.....

(3 Markah)

(b) Maklumat berikut merupakan syarat yang dituntut oleh Sabah dalam pembentukan Malaysia.

Perjanjian 20 Perkara atau Memorandum 20 Perkara ialah senarai 20 perkara yang dibuat oleh Borneo Utara, mengusulkan syarat-syarat untuk Borneo Utara bersama-sama dengan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Singapura membentuk Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 sebagai negeri Sabah.

Sumber: http://ms.wikipedia.org/wiki/perjanjian_20_Perkara_Sabah

(b) Jelaskan syarat-syarat yang dituntut dalam Perkara 20 tersebut.

.....
.....
.....
.....

(3 Markah)

(c) Mengapa Sarawak dan Sabah menuntut Perkara 20 dalam pembentukan Malaysia?

.....
.....
.....
.....
.....


(4 Markah)

Bahagian B

[60 markah]

Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.

5. Maklumat berikut berkaitan seni bina tamadun China.



- a) Jelaskan ciri-ciri seni bina yang terdapat dalam tamadun China.

[8 markah]


- b) Mengapakah masyarakat tamadun China mampu membina monumen-monumen tersebut ?

[6 markah]

- c) Mengapakah warisan seni bina di negara kita perlu dikekalkan ?

[6 markah]

6. **Rajah 1** menunjukkan tahap pemerintahan kerajaan Bani Umayyah.



Rajah 1

- (a) Bagaimakah kerajaan Bani Umayyah tahap pertama dibentuk? [4 markah]
- (b) Bincangkan sumbangan kerajaan Bani Umayyah dalam bidang keilmuan pada kedua-dua tahap tersebut. [8 markah]
- (c) Kemajuan dalam aspek kehidupan yang kita nikmati adalah hasil usaha pemimpin yang berpandangan jauh.
Bagaimakah kita boleh memberikan sumbangan kepada pembangunan negara agar diteladani oleh generasi yang akan datang? [8 markah]

7. Dasar ekonomi penjajah British telah memberi kesan kepada proses perbandaran di Tanah Melayu.

- a) Jelaskan faktor perbandaran di Tanah Melayu. [6 markah]
- b) Terangkan usaha kerajaan British dalam mempertingkat taraf kesihatan di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19. [6 markah]
- c) Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan Malaysia dalam mengurangkan penularan wabak penyakit. [8 markah]

8. Gambar di bawah berkaitan birokrasi Barat di Thailand.



Raja Chulalongkorn

a) Apakah sistem birokrasi Barat yang telah diperkenalkan di Thailand.

[4 Markah]

b) Huraikan perkembangan nasionalisme tahap pertama dan tahap kedua di Thailand.

[8 Markah]

c) Sebagai generasi muda, apakah persiapan yang boleh anda lakukan untuk mempertahankan negara kita daripada sebarang bentuk penjajahan ?

[8 Markah]

9.

PEMBENTUKAN NEGARA DAN BANGSA	KAEDAH
Jerman dan Itali	Realpolitik
Madinah	Prinsip Islam

Jadual 1

Jadual 1 menunjukkan perbandingan pembentukan negara dan bangsa di Eropah dan kerajaan islam di Madinah.

- a) Bagaimanakah amalan realpolitik digunakan untuk membentuk negara Itali dan Jerman?
Beri penjelasan anda. [8 markah]
- b) Apakah yang dikatakan penyatuhan melalui prinsip Islam dalam pembentukan Negara Madinah. [6 markah]
- c) Ramalkan jika konsep realpolitik diamalkan oleh pemimpin pada hari ini. [6 markah]

Bahasa ialah maruah bangsa,
Musnah bahasa, kehidupan tergugat jua,
Lenyaplah bahasa, lenyaplah bangsa

Sumber: blogspot.com/2015/01/isu-dan-cabaran-bahasa-melayu-dalam.html

- 10.** Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

a) Apakah usaha yang telah dilaksanakan untuk memajukan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan selepas merdeka ?

[4 markah]

b) Bagaimanakah Bahasa Melayu memainkan peranan sebagai bahasa perpaduan ?

[8 markah]

c) Penguasaan bahasa kebangsaan masih kurang diyakini dalam kalangan segelintir masyarakat negara kita.

Buktikan.

[8 markah]

- 11.** Penggubalan dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh beberapa faktor yang menentukan corak dan arah dasar luar negara.

a) Huraikan faktor yang berikut:

i) faktor Sejarah [4 markah]

ii) faktor ekonomi [4 markah]

b) Apakah isu yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini dalam melaksanakan dasar luar negara. [6 markah]

c) Sekiranya anda adalah Perdana Menteri Malaysia, apakah langkah yang akan anda ambil untuk mengukuhkan dasar luar negara Malaysia. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT